

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penyumbang KWSP yang enggan memotong sumbangan mereka kepada KWSP sebanyak 3% selepas pengumuman bajet tambahan oleh Perdana Menteri. Apakah tujuan asal Kerajaan untuk membenarkan pemotongan sumbangan KWSP dan sebab mereka enggan berbuat begini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 9 Mei 2016, bilangan ahli aktif KWSP yang memilih untuk mencarum syer pekerja 3 peratus melebihi kadar berkanun 8 peratus (iaitu 11 peratus) adalah seramai 3,055,585 (52.35 peratus).

Kerajaan mengambil langkah untuk menurunkan caruman pekerja adalah bertujuan untuk :

- (i) Mengurangkan beban kewangan pekerja dengan meningkatkan pendapatan boleh guna (*take home pay*) untuk pekerja; dan
- (ii) Menggalakkan penggunaan (*consumption*) dan perbelanjaan (*spending*) dalam negara bagi memulihkan keadaan ekonomi dan mengekang kesan inflasi.